

**AKTIVITI : KUNJUNGAN MESRA PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN KE
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

TEMPAT : MENARA KERJA RAYA (BLOK G)

TARIKH : 21 FEBRUARI 2020

Satu kunjungan mesra oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan ke Jabatan Kerja Raya telah diadakan pada 21 Februari 2020 yang lalu. Kunjungan mesra ini adalah bertujuan dimana pelaksanaan EKSA di Jabatan Kerja Raya dijadikan contoh oleh pihak Pejabat Tanah dan Negeri Kelantan bagi memperolehi pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang dijangka pada bulan April 2020.

Kunjungan ini disambut baik oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat selaku Urusetia Induk EKSA bagi Jabatan Kerja Raya Malaysia. Seterusnya, semua pegawai yang hadir dibawa berkunjung ke setiap ruang pejabat yang terpilih seperti Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Cawangan Kerja Kesihatan dan Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat untuk melihat pelaksanaan EKSA di Menara Kerja Raya (Blok G) sebagai bangunan contoh.

Akhir sekali, pihak Urusetia Induk EKSA Jabatan Kerja Raya Malaysia merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan atas kesudian untuk mengunjungi pejabat ini.

